

DATE: 15/9/2009

Cadangan meletakkan kalungan selipar pada gambar bapanya Mukhriz kecewa, terkejut

Um - 15/9/2009

Oleh MUHAMMAD
DAYNE AZMIN
dayne.ghazali@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 14 Sept. – Datuk Mukhriz Tun Dr. Mahathir (gambar) melahirkan rasa kecewa dan terkejut dengan cadangan perwakilan MIC untuk meletakkan kalungan selipar pada gambar bapanya.

Beliau mengakui marah dengan kenyataan itu yang dianggapnya mengguris perasaan serta dilihat tidak menghargai jasa ayahandanya



sepanjang menjadi Perdana Menteri sebelum ini. “Bagaimanapun saya masih dapat muhasabahkan diri kerana menganggap ia bukan mewakili pendirian majoriti perwakilan MIC. “Ia mungkin kenyataan daripada seorang individu yang terlalu tinggi emosinya dan saya masih lega walaupun di hati ini masih rasa terkilan,”

katanya yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis berbuka puasa anjuran Pergerakan India Muslim (Gepima) dan Persatuan Pengasih di Bangunan Pengasih di sini.

Mukhriz berkata, beliau menerima banyak khidmat pesanan ringkas (SMS) dan panggilan daripada rakan-rakan di dalam MIC bahawa mereka masih menghargai apa yang dilakukan Dr. Mahathir.

“Mereka berharap saya tidak terasa

hati dan meminta saya bertenang,” katanya.

Beliau bagaimanapun sempat berseloroh dengan para pemberita apabila berkata: “Melihatkan dengan apa yang terjadi semalam, saya fikirkan hanya orang Melayu sahaja yang mudah lupa.”

Mukhriz berkata, beliau tidak akan mendesak dan campur tangan supaya MIC mengambil tindakan kepada perwakilan tersebut.

“Itu terpulang kepada mereka bagaimana untuk bertindak, namun UMNO pernah menggantung keahlian seorang ketua bahagian apabila

menyebut bukan Melayu ialah kaum pendatang,” jelasnya.

Ditanya adakah beliau sudi memaafkan kesalahan itu, Mukhriz berkata, itu bukan haknya tetapi terpulang pada bapanya.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil turut menyifatkan tindakan perwakilan MIC itu sebagai biadab.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat meminta MIC memohon maaf di atas kekeluparan tersebut.